

Lelongan Aset dari Perspektif Konvensional dan Islam

Asset Auctioning from Conventional Perspective and Islamic

Miss Ni-Asini Nimae (azi_ni@yahoo.com)
Mariani Abd. Majid (mariani@ukm.my)
Pusat Pengajian Ekonomi
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Shofian Ahmad (shofian_69@yahoo.com)
Jabatan Syariah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Terdapat pelbagai jenis barang yang dijual di firma lelongan, antaranya ialah kereta. Kereta merupakan barangan keperluan dalam masyarakat. Oleh itu, jual beli secara lelong adalah salah satu cara yang tidak asing lagi pada masa kini. Tujuan kajian ini ialah untuk mengkaji proses lelongan sama ada menepati kehendak *syariah* dengan membandingkan prosedur pelaksanaan lelongan secara tradisional dengan rukun dan syarat jual beli yang digariskan dalam *syariah*. Ia dianalisis secara kualitatif melalui temubual dan pemeriksaan ke atas firma yang menjalankan operasi ini. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa terdapat perkara yang tidak menepati *syariah* yang dijalankan di firma lelongan iaitu pengesahan pembeli dan caj tambahan lewat membayar. Justeru itu, kajian mencadangkan pengubahsuaian kepada operasi tradisional dalam dua perkara di atas untuk menjadikan proses lelongan menepati *syariah* kerana pengamalan lelongan secara Islam juga didapati akan dapat meningkatkan daya saing negara.

Kata Kunci: Lelongan Aset; Lelongan dalam Islam.

ABSTRACT

There are many types of goods sold in the auction, such as cars. Cars are essential items in the community. Thus, the sale by auction is somehow becomes another way that seems not to be newly known in these days. The purpose of this study was to examine whether the auction process to meet the requirements of sharia by comparing the traditional procedure of implementation of the rule of the auction and trading conditions outlined in the sharia. It analyzed qualitatively through interviews and inspections of firms that carry out this operation. The results of this study indicate that there are things that do not conform to sharia auction company that conducted the confirmation of the buyer and an additional late payment charges. Thus, the study suggested modifications to the operating traditional in two of the above to make it conform to an auction process for the adoption of sharia Islamic auctions are also found to increase the competitiveness of the country.

Keywords: Property Auction; Auction in Islam.

PENDAHULUAN

Lelongan adalah satu mekanisma pasaran yang melibatkan agensi awam, institusi swasta, dan individu-individu untuk mendapatkan, menjual atau memperuntukkan barangan dan perkhidmatan. Antara barangan yang dilelong adalah barangan antik, lukisan-lukisan, kereta-kereta eksotik, hartanah-hartanah, dan sebagainya. Jualan lelongan merupakan salah satu cara biasa yang dapat melupuskan aset dipasaran terbuka untuk jualan yang segera dimana berkemungkinan akan dapat pada harga tertinggi. Kaedah pemasaran ini menggunakan cara yang tidak menyusahkan pemilik kerana penjual berupaya untuk menjual barangan dalam tempoh yang mereka inginkan. Justeru dalam masa yang singkat dapat memaksimumkan pelaburan mereka. Bagi pembeli pula, mereka berkesempatan untuk membayar nilai sebenar sesuatu barangan. Dimana hakikatnya pasaran yang menentukan nilai. Dengan keyakinan

bahawa pembida tidak terlebih membayar untuk barangan berkenaan. Oleh itu, menjual dan membeli melalui aktiviti lelongan merupakan satu keputusan perniagaan yang baik untuk semua pihak yang terlibat. Dalam aktiviti lelongan kenderaan di Malaysia terdapat beberapa masalah yang perlu diberi perhatian. Antaranya ialah terdapat banyak permintaan terhadap kenderaan lelong tetapi jumlah firma yang menjalankan aktiviti lelongan adalah kurang terutamanya lelongan secara Islam.

Diberi isu yang dibincangkan di atas, kertas ini bertujuan untuk mencadangkan pengubahsuaian kepada operasi tradisional dalam perkara yang tidak menepati *syariah* untuk menjadikan proses lelongan menepati *syariah*. Ia dianalisis dengan menggunakan kaedah kualitatif melalui temubual dan pemeriksaan ke atas firma yang menjalankan operasi ini. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa terdapat perkara yang tidak menepati *syariah* yang dijalankan di syarikat lelongan iaitu pengesahan pembeli dan caj tambahan lewat membayar. Kertas ini akan dibagikan kepada kajian lepas, diikuti dengan membandingkan prosedur pelaksanaan lelongan secara tradisional dengan rukun dan syarat jual beli yang digariskan dalam *syariah*. Bahagian seterusnya ialah kajian lepas yang meliputi teori lelongan, definisi lelong, definisi *akad*, rukun *akad*, perkara yang dilarang dalam jual beli, *urbun*, *khiyar* dan caj simpanan.

KAJIAN LEPAS

Teori lelongan

Dalam teori ekonomi, lelongan merupakan satu mekanisma atau peraturan dagangan dalam pasaran. Lelong adalah proses membeli dan menjual barang atau perkhidmatan dengan menawarkan barang dan perkhidmatan ini untuk dibida. Menurut Wilson (1990) prosedur lelongan hanya berlaku proses tawar menawar dua hala antara pembeli dan penjual. Oleh itu, para pembeli dan penjual harus memainkan peranan utama dalam teori pertukaran dan mereka perlu tahu kesan terhadap institusi ekonomi. Teori lelongan adalah untuk mengkaji tingkah laku pembida dan peraturan bertacara lelongan yang mudah untuk menyelesaikan proses tawar menawar yang pelbagai. Lelongan adalah mekanisma dagangan yang terbatas kerana peraturan-peraturan dalam lelongan adalah spesifik bagi sifat pelelong-pelelong. Menurut Kant (2010) terdapat beberapa perkara yang perlu dilakukan oleh pelelong untuk mendapatkan harga yang sewajarnya. Antaranya adalah mempunyai jumlah pembeli yang cukup besar atau penjual dapat memastikan keberkesanan persaingan, memberi penjelasan tentang peraturan yang digunakan semasa lelongan kepada orang ramai, penjelasan barangan yang bagus untuk dijual, kos transaksi yang kecil berbanding dengan pendapatan lelongan seperti kos perancangan, kos simpanan dan kos pelaksanaan lelongan. Selain itu, tidak boleh berkompromi dalam pembayaran atau tidak ada pertimbangan ke atas integriti proses lelongan.

Format lelong ialah satu mekanisma memperuntukkan sumber antara sekumpulan pembida-pembida. Oleh itu, model lelong terbahagi kepada tiga bahagian utama iaitu mempunyai gambaran pembida yang berpotensi, mempunyai set peruntukan sumber yang munasabah dan mempunyai nilai peruntukan sumber yang pelbagai bagi setiap peserta (Tian 2010). Menurut Wilson (1990) terdapat beberapa isu asas penghalang harga dalam lelongan. Antaranya ialah peranan maklumat peribadi, akibat-akibat bagi tingkah laku strategik, dan kesan-kesan kepada pelelong. Isu-isu ini telah mempengaruhi harga dalam lelongan. Penjual perlu membuat sesuatu untuk menarik ramai peserta untuk mendapatkan hasil yang lebih dalam lelongan kerana dalam teori lelongan jangkaan hasil adalah lebih tinggi.

DEFINISI LELONG

Definisi lelongan ialah penjualan di hadapan khalayak ramai (dengan harga beratas-atasan oleh pembeli-pembelinya) (Kamus Dewan 2010). Lelongan adalah satu mekanisma ekonomi eksplisit dimana terdapat seorang penjual tunggal yang dibenarkan untuk melakukan proses lelongan kepada para peserta yang dikenali sebagai para pembida. Proses lelongan ini dilakukan bagi mendapat persetujuan mengenai pembayaran yang bakal diterima oleh penjual disamping membuat peruntukan bagi butiran barangan yang hendak dijual (Vijay 2002). Menurut Wilson (1990) lelongan merupakan kaedah yang paling mudah untuk menjual barangan dan kebanyakan merupakan cara biasa penentuan harga bagi perdagangan pelbagai hala diantara perantara tanpa broker dan tenaga pakar. Prosedur bagi

majlis lelongan ini adalah berdasarkan proses tawaran dan menawarkan barangan yang hendak diperdagangkan.

Lelong dalam bahasa Arab dikenali sebagai *bai'muzayadah*. *Bai'muzayadah* menurut bahasa ialah menambah iaitu menambah harga¹ barang sehingga sampai satu titik (Najati 2002). Dari segi istilah pula dikenali sebagai perbuatan di mana penjual menawarkan aset jualan diikuti permintaan para pembeli yang menawarkan harga berdasarkan kesanggupan masing-masing. Kemudian aset tersebut dijual kepada pembeli yang menawarkan harga tertinggi. Najati (2002) mendefinisikan *muzayadah* ialah apabila seorang pembeli menambah harga pada sesuatu barang kemudian datang seorang pembeli lain dan menambah harga yang lebih tinggi berbanding dengan yang sebelumnya.

Bank Islam Malaysia Berhad memberi takrif kepada *bai'muzayadah* ialah jualan aset kepada orang ramai melalui proses pembidaan dalam kalangan bakal pembeli dan aset dijual kepada pembida tertinggi. Abdullah dan Shalah (2004) pula mendefinisikan lelongan sebagai jual beli dengan cara penjual menawarkan barang dagangannya, lalu para pembeli saling menawar dengan menambah jumlah harga dari pembeli sebelumnya, lalu si penjual akan menjual dengan harga tertinggi dari para pembeli tersebut. Manakala Mohd Ma'sum (2007) mendefinisikan lelong sebagai sejenis perniagaan barang yang diletakkan untuk jualan oleh pemilik barang dengan harapan untuk mendapat harga tertinggi daripada sekumpulan pembida.

Dari definisi yang diberi di atas menunjukkan bahawa tiada perbezaan maksud lelong dari perspektif Islam dan konvensional. Menurut Suruhanjaya Sekuriti (2006)² memutuskan bahawa kaedah *bai' muzayadah* adalah dihalalkan. Jual beli lelong ini sama seperti jual beli barangan biasa oleh itu *akad* lelongan adalah berasaskan kepada *akad* jual beli secara umum. Dimana rukun dan syarat jual beli serta perkara yang membatalkan *akad* adalah tertakluk kepada kontrak jual beli. Islam amat mengambil berat tentang *akad* atau majlis kontrak kerana ia menjadi tanda terdapatnya kerelaan antara pihak-pihak yang terlibat (Syed Mohd. Ghazali 2002).

DEFINISI AKAD

Dalam bahasa Arab *akad* bererti ikatan antara dua benda yang berbentuk fizikal (Faizah 2000). Hailani dan Sanep (2009) dalam kalangan *fuqaha*³ *akad* biasanya diertikan sebagai ikatan secara *maknawi* seperti ikatan perkataan (*sighah*) yang diucapkan oleh dua pihak yang ber*akad*. Menurut Wahbah (2005), definisi *akad* boleh dilihat dari dua sudut iaitu sudut umum dan khas. *Akad* secara umum sering digunakan oleh ahli *fiqh* sebagai setiap apa yang diazamkan oleh seseorang untuk melakukannya, sama ada ia lahir dari satu pihak atau memerlukan kepada dua pihak untuk melakukannya. Manakala *akad* dari sudut khas pula ialah ikatan antara *ijab* (tawaran) dan *qabul* (terimaan) yang dibuat mengikut cara yang disyariatkan yang sabit kesannya pada urusan berkenaan.

Berdasarkan maksud *akad* yang diberi diatas ternyata bahawa *akad* ialah ikatan kehendak antara dua pihak yang berasaskan tawaran daripada satu pihak dan terimaan daripada satu pihak yang lain. Ini bermakna dalam satu *akad* perlu ada *sighah* (tawaran dan terimaan), *akidan* (dua pihak yang ber*akad*) dan *ma'qud 'alayh* (harta atau benda yang ditawarkan) (Hailani dan Sanep 2009, Najati 2002 & Faizah 2000). Manakala Syed Mohd. Ghazali (2002) menyatakan rukun jual beli terbahagi kepada lima iaitu penjual, pembeli, barang yang dijual, harga dan *sighah*. Walau bagaimanapun di sini akan membincangkan tiga rukun *akad* sahaja iaitu *sighah*, *akidan* dan *ma'qud 'alayh*. Kerana rukun *akidan* telah menggabungkan antara penjual dan pembeli manakala harga pula termasuk dalam rukun *ma'qud 'alayh*.

RUKUN AKAD

Sighah

Perkataan *sighah* (*lafaz*)⁴ bermaksud luahan kata-kata yang menggambarkan keinginan kedua-dua pihak yang menunjukkan tujuannya kontrak dan menzahirkannya daripada disembunyikan atau tidak diketahui (Ala'Eddin 2007). Para *fuqaha*' sependapat mengatakan asas penting bagi membentuk sesuatu *akad* ialah tawaran (*ijab*) dan penerimaan (*qabul*). Tawaran dan penerimaan itu sah dan memberi kesan dalam *akad* jika menepati syarat *sighah*. Syarat *sighah* dalam *fiqh* Islam menurut Najati

¹ Menambah-nambah dalam tawaran harga oleh pembeli.

² Majlis Penasihat Syariah (MPS) dalam mesyuarat ke -10 pada 16 sehingga 17 Oktober 1997.

³ Orang yang *alim* dalam ilmu *fiqh* (undang-undang *syariah*).

⁴ *Akad* boleh terbentuk dengan perkataan, tulisan, perbuatan atau isyarat dan sebagainya yang memberi faham kehendak ber*akad*.

(2002) ada tiga syarat iaitu *lafaz* yang digunakan adalah jelas antara kedua orang yang berakad, ada persetujuan antara dua orang yang berakad dan berada dalam majlis yang sama.

Hailani dan Sanep (2009) menyatakan terdapat empat syarat *sighah* iaitu ketetapan antara tawaran dan terimaan yang membentuk *akad* jual beli, tawaran dan terimaan mestilah berlaku dalam majlis *akad*, tawaran tidak putus disebabkan oleh kelewatan penerimaan dibuat dan tawaran yang dibuat itu ke atas barang yang masih ada semasa *akad* dilaksanakan. Manakala syarat *sighah* menurut Faizah (2000) pula ialah setiap tawaran dan penerimaan semestinya menggambarkan secara jelas kehendak pihak yang melakukan kontrak, penerimaan mestilah bersesuaian dengan tawaran, setiap pihak yang berakad memahami kehendak pihak yang satu lagi dan penerimaan hendaklah bersambung dengan tawaran.

Para *fuqaha'* berselisih pendapat dalam menentukan maksud sebenar kesinambungan antara penerimaan dengan tawaran. Menurut *jumhur ulama*⁵, penerimaan dianggap bersambung dengan tawaran sekiranya dilakukan dalam majlis yang sama. Penerimaan tidak semestinya berlaku selepas sahaja penawaran dilakukan, penerima boleh membuat penerimaan tersebut selepas beberapa waktu selagi mereka masih berada dalam majlis yang sama. Manakala *fuqaha' mazhab*⁶ Syafi'i pula berpendapat bahawa penerimaan dianggap bersambung apabila dilakukan terus sesudah tawaran dibuat tanpa diselangi oleh perbincangan yang tidak berkaitan dengan tawaran. Sekiranya penerimaan itu tidak dilakukan serta merta maka *akad* tidak akan berlaku. (Faizah 2000). Najati (2002) mengkhususkan lagi satu syarat *sighah* dalam jual beli *muzayadah* iaitu berlaku *reda* meredai antara penjual dan pembeli. Islam amat mengambil berat tentang *akad* atau majlis kontrak kerana ia menjadi tanda terdapatnya kerelaan antara pihak-pihak yang terlibat. Kerelaan itulah akhirnya menjadi faktor pengikat diantara dua pihak yang terlibat (Faizah 2000)

Penawaran dan penerimaan boleh dilakukan dengan beberapa cara. Pertama dilakukan secara *lisan* di mana ia hendaklah dilakukan dalam satu majlis. Walaupun sah dibuat secara *lisan* tetapi Islam menggalakkan *akad* tersebut dicatat secara tulisan. Kedua ialah dilakukan secara bertulis, *ijab* ini berkuat kuasa sebaik sahaja surat itu meninggalkan orang yang membuat tawaran dan sah sehingga diterima oleh penerimanya. Ketiga ialah melalui pesanan yang dihantar melalui seseorang wakil yang dipercayai. Bagi mereka yang tidak diragui kejujurannya dan tawaran itu diterima, penerimaan itu jadi sah. Keempat ialah dibuat melalui isyarat dan gerakan tangan terutamanya jika orang yang membuat *ijab* itu bisu dan tuli atau penerima tidak faham bahawa seseorang membuat tawaran. Kelima ialah dibuat secara perbuatan (Syed Mohd.Ghazali 2002).

Akidan

Akidan ialah pihak yang berkontrak. Dalam syariat Islam, untuk mewujudkan kontrak yang sah, disyaratkan pihak yang terlibat itu mempunyai kelayakan dan kuasa untuk melakukannya. Kontrak yang dilakukan oleh mereka yang tidak mempunyai kelayakan dan kuasa dianggap tidak sah dan tidak memberi kesan kepada semua pihak (Faizah 2000). Pihak yang berkontrak hendaklah terdiri daripada orang yang boleh dipertanggungjawabkan. Mereka mesti sempurna akal iaitu tidak gila atau separuh gila, *baligh*⁷, bukan tergolong dikalangan orang yang disekat dari menjalankan urusan muamalat dan urusniaga dibuat secara sukarela tanpa ada paksaan (Syed Mohd.Ghazali 2002). Selain itu Najati (2002) menambahkan lagi syarat kepada orang yang berakad iaitu mesti ada *reda* dan pilihannya sendiri⁸. Menurut Wahbah (2005) kedua-dua pihak mestilah orang yang mempunyai kelayakan yang diiktiraf oleh *syarak* iaitu orang yang *mukallaf*⁹ yang telah cukup umur *baligh*, berakal siuman dan

⁵ Dari segi bahasa perkataan *ulama* adalah bentuk *jamak* dari kata '*aalim*'. *Aalim* adalah orang yang berilmu. Dan '*ulama* adalah orang-orang yang punya ilmu.

⁶ Kalimah *mazhab* dari segi bahasa ialah tempat untuk berjalan ataupun jalan itu sendiri. Dari segi istilah pula, *mazhab* membawa maksud *hukum-hukum* yang terdiri dari himpunan masalah. Terdapat persamaan diantara maksud perkataan ini dari kedua-dua segi iaitu *mazhab* merupakan jalan yang menyampaikan kehidupan dunia dan *hukum-hukum* pula boleh menyampaikan kepada akhirat.

⁷ *Baligh* dari segi bahasa bermaksud telah mencapai. Dari segi *istilah*, ia bermaksud seseorang yang telah mencapai tahap kematangan seksual, iaitu dewasa dari segi *jasad*. Bagi kanak-kanak lelaki, usia *baligh* ialah antara 11-15 tahun, manakala bagi kanak-kanak perempuan, usia *baligh* adalah antara 9-12 tahun. Walau bagaimanapun, usia *baligh* berbeza mengikut tahap keseimbangan hormon dalam badan. Tanda *baligh* untuk lelaki ialah apabila telah bermimpi sehingga keluar air mani. Tanda untuk perempuan pula ialah apabila mereka telah mendapat *haid* yang pertama.

⁸ *Reda* adalah ukuran dalaman dalam diri pihak berakad, manakala pilihan adalah ukuran luarannya. Tidak semua pilihan menunjukkan wujud unsur *reda*, tetapi apabila wujud *reda* ia menunjukkan ada pilihan bersamanya. Justeru majoriti *ulama* hanya mensyaratkan *reda* sahaja.

⁹ Seorang yang *mukallaf* adalah orang dipertanggungjawabkan dengan kewajipan dan perintah untuk menjalankan *hukum* tuntutan agama Islam serta menjauhi larangan-Nya atas dasar orang tersebut sudah mencapai usia dewasa dan mempunyai akal (*akil baligh*) serta telah sampai seruan agama (*Syariat* Islam) kepadanya.

waras. Namun begitu, jual beli yang dilakukan oleh kanak-kanak sah jika mendapat keizinan daripada walinya dan sudah *mumayyiz*¹⁰. Begitu juga dalam kes jual beli orang gila dan *safih*¹¹.

Ma'qud 'Alayh

Ma'qud 'Alayh ialah objek *akad* iaitu barang. Barang yang dijual disyaratkan mesti wujud. Ia dimiliki secara sah oleh penjual atau pihak yang berkontrak. Barang tersebut disyaratkan pula boleh diserahkan kepada pembeli atau pihak kontrak yang terlibat pada masa yang ditetapkan (Syed Mohd. Ghazali 2002). Manakala Faizah (2000) menambahkan lagi dua syarat barang iaitu barang itu mestilah yang tidak bercanggah dengan kehendak akad itu sendiri dan mengikut hukum *syarak* (Najati 2002 & Wahbah 2005). Selain itu barang yang dijual hendaklah diketahui dengan jelas oleh kedua-dua pihak yang *berakad*. Selain daripada menepati rukun jual beli maka terdapat juga perkara yang dilarang dalam jual beli. Oleh itu, jual beli lelong hendaklah tidak mengandungi tiga unsur iaitu *riba*, *gharar* dan *Maisir*.

PERKARA YANG DILARANG DALAM JUAL BELI

Di antara nilai paling agung yang dikukuhkan oleh Islam dalam bidang urus niaga dan juga dalam semua sektor bidang perekonomian Islam ialah nilai keadilan¹². Lawan kepada keadilan adalah kezaliman dan penindasan. Oleh itu Islam mengharamkan urusan niaga yang mengandungi sebarang unsur kezaliman dan Islam mewajibkan agar diterapkannya keadilan dalam setiap urusan niaga (Yusuf 2009). Larangan-larangan *syarak* dalam urusan perniagaan yang hendak diiktiraf oleh Islam juga hendaklah bebas dari sebarang unsur yang dilarang atau diharamkan oleh *syarak*. Terdapat tiga unsur utama yang dilarang oleh *syarak* iaitu *riba*, *gharar* dan *maisir*.

Riba

Unsur pertama yang diharamkan dalam Islam ialah *riba* yakni kadar bunga. Islam menganggap *riba* sebagai satu unsur buruk yang merosakkan masyarakat sama ada dari segi ekonomi, sosial mahupun moral. *Riba* dari segi bahasa bererti penambahan dalam atau tambah kepada sesuatu. Secara teknikal, *riba* merujuk kepada bayaran wang pokok yang dipinjam pada kadar yang tetap oleh pemberi pinjaman wang kepada penghutang. *Riba* juga boleh didefinisikan sebagai wang lebihan yang telah ditentukan terlebih dahulu daripada pinjaman pokok yang diterima oleh pemberi pinjaman wang secara bersyarat dalam jangka masa yang tertentu.

Riba mempunyai tiga unsur iaitu pertama lebihan daripada wang pokok iaitu wang asas. Kedua pula ialah penentuan lebihan tersebut bergantung pada tempoh masa yang tertentu. Ketiga pula ialah persetujuan bersyarat atas bayaran lebihan yang telah ditentukan oleh pemberi pinjaman wang. Dengan itu *riba* wujud dengan adanya ketiga-tiga unsur ini secara bersama. Satu urusan jual beli atau pinjaman yang mengandungi unsur-unsur tersebut sama ada melibatkan wang ataupun barangan ia dianggap sebagai kegiatan *riba* oleh para *ulama* dan para ekonomis Islam dan menjadi *haram* (Afzal 1994).

Gharar (Ketidak Pastian)

Gharar adalah menjalankan urusan niaga dalam kesamaran iaitu tanpa dipastikan dengan tepat barangan yang terlibat dan harganya sama ada oleh penjual atau pembeli. Para *fuqaha'* sepakat menyatakan bahawa jual beli secara *gharar* adalah batal atau tidak sah kerana sabit dalam hadis "Rasulullah s.a.w. menegah daripada jualan secara *gharar*" (Riwayat Imam Muslim dari Abu Hurairah r.a.)

Menurut Suruhanjaya Sekuriti (2006) terdapat tiga aliran utama dalam mendefinisikan *gharar*. Pertama ialah *gharar* yang bermaksud *jahalal* (tidak maklum) terhadap barang jualan. Kedua pula *gharar* yang merujuk kepada *syak*¹³. Manakala yang ketiga *gharar* yang merujuk kepada sesuatu yang tidak diketahui akibatnya¹⁴. Berkaitan dengan harga dalam lelong tidak mempunyai unsur *gharar*

¹⁰ *Mumayyiz* dari segi bahasa bererti mampu membezakan. *Istilah* ini digunakan bagi mengkategorikan tahap seorang manusia yang mula mampu untuk membezakan antara dua keadaan seperti kemampuan membezakan yang baik dan yang buruk.

¹¹ Maksud *safih* di sisi Imam Syafie' ialah orang yang membazirkan hartanya dengan perkara haram seperti berjudi, minum arak dan sebagainya. Kerana itu mengikut hukum *syarak* pemerintah boleh menahan hartanya dari digunakan pemilik yang *safih*.

¹² Keadilan terungkap dalam maksud *reda*. Apabila penjual setuju atau *reda* untuk melepaskan barang pada satu harga dan pembeli setuju untuk melepaskan bayarannya maka kedua belah pihak telah *reda* meredhai. Lalu kontrak tersebut menjadi sah.

¹³ Rasa kurang percaya (kurang yakin), curiga, sangsi, waswas, dan sebagainya

¹⁴ Iaitu tinggi risikonya.

kerana apabila harga disebut belum ada *ijab* dan *qabul* yang berlaku antara pembeli dan penjual. Di mana *qabul* adalah penerimaan oleh si pelelong yang belum memutuskan harga, kerana itulah *harus* bagi pihak lain menawarkan harga yang lebih tinggi.

Maysir (Judi)

Maisir adalah perkataan Arab yang diberi makna dari segi bahasanya ialah mendapat sesuatu dengan cara yang mudah, atau menerima untung tanpa sebarang usaha (Afzal, 1994). *Maisir* juga bermaksud apa jua aktiviti yang melibatkan pertaruhan, iaitu pihak yang menang akan mengambil semua pertaruhan dan pihak yang kalah akan kehilangan pertaruhan (Suruhanjaya Sekuriti, 2006). Selain mengelak daripada berlakunya perkara yang dilarang dalam urusan niaga, terdapat juga satu jenis jual beli dalam aktiviti lelong yang perlu diperbincangkan iaitu *al-urbun*.

Urbun (Jual beli dengan bayaran hangus)

Urbun dari segi bahasa ialah bayaran muka atau pendahuluan (Wahbah 2005). *Bai' Urbun* merupakan wang pendahuluan yang dibayar oleh pembeli kepada penjual dalam sesuatu *akad* jual beli. Sekiranya jual beli diteruskan maka wang pendahuluan ini akan menjadi sebahagian daripada harga barangan. Jika tidak, maka wang ini dianggap sebagai *hibah* (pemberian) daripada pembeli kepada penjual. Berdasarkan kepada pengertian itu ternyata bahawa secara prinsipnya *bay' al-urbun* mengandungi beberapa ciri (Ab Mumin & Fadillah 2006) iaitu yang pertama pembeli mempunyai hak untuk membuat pilihan sama ada membeli barangan atau tidak untuk satu-satu tempoh yang tertentu, namun ia bukanlah menjadi kewajipan untuk membeli. Kedua penjual pula tiada hak untuk menjual kepada mana-mana pembeli yang lain, sekalipun ditawarkan dengan harga yang lebih tinggi dan ia berkewajipan untuk menunggu dalam satu tempoh yang telah dijanjikan kerana telah menerima wang pendahuluan. Ketiga harga barangan itu telah dipersetujui bersama. Ini dapat dilihat berasaskan perjanjian mereka bahawa sekiranya proses jual beli itu disempurnakan, maka bayaran pendahuluan tersebut dianggap menjadi sebahagian daripada harga barangan. Keempat terdapat tempoh yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak untuk memastikan pembelian barangan berlaku atau tidak.

Menurut Ala'Eddin (2007) jualan sebegini ditegah dalam Islam menurut pendapat kebanyakan para *ulama'* kerana dilarang oleh *sunnah*. *Mazhab* Maliki dan Syafie menyatakan bahawa jualan ini dikira batal sekiranya penjual membuat ketetapan untuk tidak memulangkan wang hangus (*urbun*) kepada pembeli dalam kes jual beli tersebut tidak di sempurnakan. Sebaliknya, jika syarat sedemikian tidak dibuat, jual beli itu dibolehkan. *Mazhab* Hanbali berpendapat bahawa jual beli sedemikian diizinkan kerana dibenarkan oleh Rasulullah s.a.w. Walaupun ada dua pandangan bagi kaedah jual beli ini, Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti memutuskan bahawa konsep *bai' urbun* diharuskan. Kerana telah menjadi amalan masyarakat dalam mengurus niaga, mereka membayar wang pendahuluan sebagai suatu bayaran, supaya hak mereka tidak hilang dalam tempoh tertentu. Perkara ini tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip *syariah* kerana ia merupakan *'urf sahih*¹⁵, untuk memastikan *muamalat* berjalan dengan lancar (Suruhanjaya Sekuriti 2006). Oleh itu, secara prinsipnya *bay al-urbun* adalah satu bentuk kontrak jual beli yang diharuskan berdasarkan kepada keperluan *uruf* semasa, namun ia perlu dilaksanakan secara cermat dan berhati-hati.

KHIYAR (PILIHAN)

Khiyar atau pilihan dalam erti kata sebenarnya ialah hak yang diberikan kepada kedua-dua pihak yang berkontrak atau kepada salah satu pihak untuk mengesahkan, membatalkan atau menarik diri dari kontrak. Ini merupakan maksud umum *istilah khiyar* (Ala'Eddin 2007). Sebenarnya *khiyar* terdiri daripada pelbagai jenis. Dalam kajian ini, dihadkan kepada *khiyar* yang terpenting sahaja iaitu *khiyar al-majlis* (pilihan dalam majlis kontrak), *khiyar al-sharat* (pilihan bersyarat), *khiyar al-ru'yah* (pilihan apabila melihat barang) dan *khiyar al-aib* (pilihan kerana cacat).

Khiyar Al-Majlis (Pilihan Dimajlis Kontrak)

¹⁵ *'Urf* adalah sesuatu yang digariskan manusia dan mereka menjadikannya suatu kebiasaan, berupa perkataan dan perbuatan. *Al-'urf* semakna dengan *adat* (kebiasaan), kecuali secara bahasa *adat* memiliki makna lebih umum daripada *'urf*. Kerana penggunaan *adat* meliputi kebiasaan perseorangan dan masyarakat, adapun *'urf* dikhususkan untuk suatu kelompok masyarakat. *'Urf Sahih* adalah *'urf* yang tidak menyelisihi *nas*, tidak luput darinya kemaslahatan yang *mu'tabar* (dianggap) atau tidak mendatangkan kerosakan yang *rojihad*.

Pilihan dimajlis kontrak memberi maksud bahawa setiap satu pihak mempunyai hak untuk mengesah atau membatalkan sesuatu kontrak dalam peringkat perundingan awal selagi mana kedua-dua pihak masih berada dalam majlis tersebut dan belum beredar. *Khiyar al-majlis* tidak akan menjadikan sesuatu kontrak mengikat sehinggalah kedua-dua pihak beredar atau menolak pilihan tersebut (Ala'Eddin 2007).

Khiyar al-Syarat (Pilihan Bersyarat)

Pilihan bersyarat bermaksud bahawa kedua-dua pihak yang berkontrak atau salah satu (pihak atau orang lain) boleh melakukan *khiyar* sama ada untuk menerima atau membatalkan kontrak tersebut dalam satu tempoh masa. *Khiyar syarat* juga dikenali sebagai *khiyar tarawwi* (meneliti dan merenung) kerana perkara ini melibatkan pemikiran tentang sesuatu perkara dan perbincangan dengan orang lain.

Khiyar syarat boleh diberi kepada kedua-dua pihak berkontrak atau salah seorang daripada mereka, atau *khiyar* ini juga boleh diberikan kepada pihak yang tidak dikenali ataupun orang ketiga oleh salah seorang daripada mereka. Abuhanifah, Maliki, Ahmad Ibn Hanbal, Mazhab Zaidi dan Al-Syafie (dalam salah satu daripada dua pendapatnya) membenarkan kedua-dua pihak untuk menyerahkan hak *khiyar syarat* kepada pihak ketiga. Alasan mereka adalah mungkin pihak yang berkontrak kurang berpengetahuan berkenaan subjek kontrak dan dalam kes ini dia perlu berunding dengan seseorang yang berpengetahuan dan memberikan kepadanya *khiyar syarat* untuk membatalkan kontrak jika dia berpendapat sedemikian.

Al-Syafie (dalam satu lagi pendapatnya) dan Zufar menyatakan bahawa tidak dibenarkan untuk menyerahkan hak *khiyar syarat* kepada seseorang yang tidak dikenali. Ini kerana *khiyar syarat* tersebut pada asalnya hanya diberikan kepada kedua-dua pihak yang terlibat dalam kontrak sahaja. Menyerahkan hak ini kepada pihak ketiga bermakna memindahkan kuasa terhadap sesuatu kontrak kepada orang lain dan ini tidak dibenarkan (Ala'Eddin 2007). *Khiyar syarat* juga berlaku apabila salah satu atau kedua-dua pihak menetapkan syarat bahawa dia mempunyai *khiyar* iaitu hak untuk membatalkan kontrak dalam tempoh tertentu. Syarat ini boleh dinyatakan ketika memeterai kontrak atau pun selepas daripada itu, tetapi mestilah sebelum mereka berpisah dari majlis tersebut.

Khiyar al-Rukyah (Pilihan Melihat Barang)

Khiyar rukyah bermaksud, orang yang melakukan sesuatu kontrak yang berkaitan dengan sesuatu barang yang berhak membatalkan atau mengesahkan kontrak apabila melihat barang tersebut. Ini bermakna, sesuatu pihak mempunyai pilihan melihat barang (*khiyar rukyah*) dalam kontrak berdasarkan kepada dua syarat iaitu subjek kontrak mestilah sesuatu yang jelas dan pihak yang berkontrak belum pernah melihat barang itu sebelumnya. Jika dia telah melihatnya, dia tidak lagi mempunyai *khiyar rukyah*. Ini menjelaskan bahawa alasan untuk membolehkan *khiyar rukyah* dalam kontrak ialah pihak yang berkontrak belum pernah melihat barang tersebut (Ala'Eddin 2007).

Khiyar al-Aib (Kecacatan)

Khiyar aib ialah hak yang dimiliki suatu pihak yang menemui bahawa sesuatu barang tersebut mempunyai kecacatan yang menyebabkan nilainya turun atau cacat sifatnya. Definisi yang lebih jelasnya ialah sekiranya subjek kontrak tidak memenuhi kegunaan asalnya dan mengurangkan nilai pasarannya atau tidak memenuhi syarat kegunaan yang sepatutnya, maka ketika itu pihak yang berkontrak mempunyai *khiyar aib* (Ala'Eddin 2007). *Khiyar aib* ini akan terpakai setelah barangan telah dijual.

CAJ SIMPANAN

Berdasarkan penganan upah simpanan yang dikenakan oleh institusi gadaian *ar-Rahnu*¹⁶, para ulama telah membincangkannya dalam pendapat majoriti *ulama* cenderung mengatakan bahawa hukumnya adalah *harus* (diperbolehkan) dengan peringatan bahawa adalah lebih baik tidak melaksanakannya. Keharusan tersebut diberi kerana jika khidmat pinjaman itu diberi oleh institusi, ia akan melibatkan kos untuk menyelenggarakan beberapa urusan *akad*, merekod data dan gaji para pekerja yang terlibat (Shamsiah & Safinar 2008).

¹⁶Dalam persidangan ketiga perhimpunan Fiqh Islam diadakan di Amman, Jordan pada 8-13 Safar 1407H bersamaan dengan 6-11 Oktober 1986 dalam masalah penganan caj perkhidmatan.

METODOLOGI KAJIAN

Perbandingan di antara konsep lelongan dalam Islam dan konvensional adalah berdasarkan maklumat dari kajian lepas dan kajian perpustakaan. Manakala dari segi aplikasi, firma lelongan aset kereta diambil sebagai sampel. Kajian ini menumpukan kepada aset tetap kerana kereta adalah merupakan barangan keperluan pada masa kini dan jumlah permintaannya adalah banyak walaupun lelongan aset selain kereta terdapat di pasaran. Terdapat banyak firma di Malaysia yang menjalankan aktiviti lelongan aset kereta. Walau bagaimanapun, hanya dua sampel yang dipilih dan ia adalah di kalangan pemilik beragama Islam kerana firma dipilih berkemungkinan besar mengaplikasikan konsep *shariah* dalam operasi seharian. Responden yang dipilih ini merupakan orang yang mahir, berpengalaman dan bertanggungjawab dalam aktiviti lelongan di firma masing-masing. Kaedah temu bual yang digunakan ini adalah untuk memperolehi maklumat yang lebih tepat yang bertujuan untuk mengumpulkan maklumat daripada pihak yang arif dengan proses lelongan yang dijalankan. Kesemua maklumat yang diperolehi ini digunakan sebagai alat untuk menilai keselarisan hasil dapatan kajian dengan prinsip-prinsip *syariah*. Bagi sampel I, maklumat diperolehi daripada temu bual dengan penyelia di *G-Mart Corporation (G-Mart)* manakala bagi sampel II, maklumat diperolehi dari temubual dengan pengurus, operasi dan pentadbir lelongan *Fleet Management Solution (FMS)*.

DAPATAN KAJIAN

Kajian dibahagikan kepada sampel I (*G-Mart*) dan sampel II (*FMS*) dan setiap satu akan dianalisis mengikut proses operasi aliran sistem stor simpanan kenderaan, lelongan awam dan selepas lelong.

SAMPEL I (G-MART)

Proses lelong yang dijalankan oleh syarikat terdiri daripada tiga peringkat iaitu

OPERASI ALIRAN SISTEM STOR SIMPANAN KENDERAAN

Setiap kenderaan yang masuk ke dalam stor simpanan hendaklah melalui beberapa proses yang telah ditetapkan oleh firma. Proses ini dapat meyakinkan firma berkenaan dengan kenderaan yang dibawa masuk ke dalam stor serta segala maklumat tentang kenderaan juga telah diambil. Sebahagian besar kenderaan yang masuk ke dalam stor simpanan adalah daripada syarikat kewangan. Selain itu juga adalah daripada individu dan syarikat korporat.

Kenderaan yang ditarik sama ada ditunda atau dipandu masuk hendaklah disertakan surat tarik (*Repossess Order*) dari penarik yang diedarkan oleh pihak syarikat kewangan dan laporan polis yang dibuat oleh penarik kenderaan sendiri. Pengesahan nombor casis dan nombor enjin adalah penting bagi setiap kereta yang masuk ke stor simpanan. Ia hendaklah dipastikan nombor tersebut sama seperti yang tertara didalam surat tarik (*Repossess Order*) yang dicetak oleh pihak syarikat kewangan. Gambar akan diambil selepas pengesahan telah disahkan oleh pegawai pemeriksaan kenderaan. Ia adalah sebagai bukti bahawa kenderaan tersebut dibawa masuk ke stor simpanan dalam keadaan yang sedia ada oleh penarik. Gambar yang diambil hendaklah dilakukan bersama saksi iaitu pegawai pemeriksaan kenderaan atau penarik kenderaan tersebut.

Pegawai pemeriksaan kenderaan akan merekodkan kenderaan tersebut dalam Borang Pemeriksaan Kenderaan (*Vehicle Inspection Form*) dan Senarai Barang Peribadi (*Personal Items List*). Borang Pemeriksaan Kenderaan merekodkan nama penyewa, nombor pendaftaran, nombor casis, nombor enjin, model dan jenis kenderaan, keadaan kenderaan tersebut, peralatan yang ada pada kenderaan dan situasi kenderaan tersebut sama ada potong sambung ataupun kesan baik pulih iaitu bekas kemalangan. Senarai Barang Peribadi merekodkan barang-barang pemilik kenderaan yang ada didalam kenderaan tersebut. Setelah meneliti dan merekodkan kedua-dua borang tersebut hendaklah ditandatangani oleh pemeriksaan kenderaan, penarik dan pegawai yang ditugaskan.

Kenderaan-kenderaan yang tidak ditebus kembali oleh penyewa akan dilelong mengikut jadual yang ditetapkan oleh syarikat kewangan distor simpanan. Berpandukan *Database System* pegawai bertauliah (PUSPAKOM) atau pegawai pengurusan akan memeriksa semula kenderaan-kenderaan tersebut bagi tujuan penilaian, pengiklanan dan harga cadangan untuk rujukan kepada pihak syarikat kewangan menentukan dan memutuskan harga rezab setiap kenderaan bagi tujuan lelongan awam.

Setelah pemeriksaan PUSPAKOM dijalankan, pegawai pengurusan akan mengiklankan senarai kenderaan yang akan dilelong kedalam surat khabar.

PROSES LELONGAN AWAM

Tinjauan sebelum lelong

Lelongan awam berlangsung pada setiap minggu dan firma akan keluaran senarai kereta yang akan dilelong dua hari sebelumnya. Bagi pelanggan yang ingin membuat bidaan boleh dapatkan maklumat kenderaan pada senarai kereta yang dikeluarkan oleh firma. Sehari sebelum hari lelongan awam sehingga sebelum lelongan dijalankan, firma akan bagi peluang kepada pelanggan untuk melihat dan membuat tinjauan kenderaan yang akan dilelong. Firma membenarkan pelanggan melihat, membuka enjin kereta tetapi tidak membenarkan kereta itu berjalan oleh kerana tempat adalah terhad. Apabila aktiviti lelongan dijalankan pelanggan tidak boleh membuat tinjauan lagi. Sebelum membuat bidaan, peserta dinasihatkan supaya semak butiran yang tersenarai dalam jadual lelongan dengan kenderaan yang akan dilelong. Selain itu peserta juga dinasihatkan berhati-hati dalam membuat bidaan.

Pendaftaran

Setiap pelanggan perlu mendaftarkan diri sebelum layak untuk membida bagi setiap kenderaan sebelum lelongan bermula. Semasa mendaftarkan diri pelanggan mesti membuat bayaran deposit terlebih dahulu dan pihak firma akan bagikan satu kad bidaan bagi setiap satu lot kepada pelanggan untuk menggunakan semasa membuat bidaan. Deposit yang dikenakan adalah sebanyak RM1,500 bagi satu lot. Sebanyak RM500 adalah premium bagi setiap satu unit kenderaan dan RM1,000 adalah termasuk dalam harga kenderaan. Kakitangan firma juga telah memastikan bahawa umur minimum bagi pembida yang layak berdaftar adalah dua puluh tahun. Selain itu, latarbelakang pendaftar juga turut disemak sekiranya pendaftar ada rekod senarai hitam maka pelanggan itu tidak layak untuk mendaftarkan diri untuk masuk membida.

Lelongan awam

Dalam dewan lelong, firma menggunakan sebutan suara dan tulisan yang tertara diatas skrin semasa lelongan dijalankan. Lelongan akan dibuat selama dua pusingan. Firma memberi masa selama sepuluh minit kepada pembida yang tidak berjaya membida dalam pusingan pertama untuk melihat semula kenderaan yang tidak dibida lagi. Selepas sepuluh minit firma akan membuat lelongan pusingan kedua pula. Pembida yang menang mesti mengisi borang dan menanda tangani kontrak jual beli lelongan. Sebelum menanda tangan kakitangan firma akan menasihatkan supaya pemenang semak semula butiran dalam borang supaya dapat mengelak daripada berlakunya kesilapan.

SELEPAS LELONG

Pemulangan semula kad bidaan

Pembida yang tidak berjaya akan memulangkan semula kad masuk bidaan kepada kakitangan firma kemudian firma akan pulangkan semula kesemua jumlah wang deposit yang telah dibayar oleh pembida. Manakala pembida yang berjaya pula akan memulangkan kad dan kakitangan akan memberi satu borang kontrak kepada pembida untuk menandatangani penerimaan lelongan.

Pemeriksaan pihak bertanggungjawab (PUSPAKOM)

Sebelum pelanggan mengeluarkan kereta dari stor, pelanggan dinasihatkan oleh kakitangan supaya membuat pemeriksaan PUSPAKOM yang telah disediakan oleh firma terlebih dahulu. Kerana terdapat beberapa buah kenderaan yang masuk dalam stor simpanan yang tidak buat pemeriksaan PUSPAKOM terlebih dahulu sebelum lelong. Tujuannya adalah untuk memeriksa semula kenderaan tersebut. Jika didapati bahawa kenderaan tersebut adalah kereta potong maka pembida boleh membatalkan kontrak yang telah diterima olehnya. Hanya dalam kes kereta potong sahaja yang firma terima pembatalan kontrak selepas tanda tangan. Dalam kes lain sama ada masalah kenderaan ataupun ketidakpuasan hati oleh pembida, firma tidak akan terima pembatalan kontrak tersebut.

Pembayaran

Setelah berjaya membida, pembida diberi masa sepuluh hari bekerja untuk menjelaskan baki bayaran kenderaan yang dibida. Bayaran hendaklah dibuat secara tunai, bank draf dan cek yang berdaftar. Tempat membayarnya bergantung kepada syarikat kewangan sama ada boleh membuat bayaran di bank atau *G-Mart* sebagai wakil jual beli. Semua syarikat kewangan menggunakan tandatangan kontrak sebagai bukti berlaku *akad* jual beli. Hanya terdapat di Bank Islam Malaysia Berhad sahaja yang menggunakan *Lafaz akad* jual beli berserta dengan tandatangan kontrak sebagai *akad* jual beli. Setelah selesai pembayaran maka pembida boleh mengambil kenderaan yang disimpan dalam stor firma. Segala dokumen kenderaan pembida akan dapat selewat-lewatnya dua minggu dari tarikh pembayaran yang dibuat. Pembida yang tidak dapat membuat pembayaran dalam tempoh yang ditetapkan mereka boleh buat perbincangan dengan pemilik asal kenderaan iaitu syarikat kewangan untuk melewatkan masa pembayaran. Lanjutan tempoh bayaran akan dikenakan denda atau penalti oleh syarikat kewangan. Sekiranya tidak dapat juga membayar dalam tempoh yang dibincangkan maka wang deposit yang telah dibayar oleh pembida tidak akan dipulangkan. Bagi syarikat korporat pula tidak ada perbincangan untuk melanjutkan masa pembayaran.

SAMPEL II (FMS)

Proses perniagaan *FMS* dibahagikan kepada 3 peringkat iaitu pra-lelong, lelongan awal dan selepas lelong.

PRA-LELONG

Penghantaran kenderaan masuk ke *FMS*.

Terlebih dahulu mesti mengesahkan segala dokumen yang berkaitan. Seterusnya membuat pemeriksaan kenderaan secara terperinci dengan pembekal. Terdapat dua keadaan selepas pemeriksaan kenderaan iaitu jika segala maklumat telah lulus maka kenderaan tersebut diterima oleh *FMS* sebaliknya jika tidak lulus maka kenderaan tersebut akan dihantar semula kepada pembekal. *FMS* hanya menerima kenderaan yang telah disahkan dokumen dan yang telah lulus pemeriksaan kenderaan sahaja.

Unit penyediaan

Selepas kenderaan diterima oleh *FMS* maka firma akan membuat pemeriksaan, merakamkan segala butiran secara perinci dan membuat senarai semakan. Firma juga akan membuat pembasuhan, vakum dan penggilapan kenderaan jika diminta. Selepas itu membuat bahagian penomboran kenderaan, menyediakan paparan susunan, seterusnya membuat pengiklanan awam di surat khabar.

LELONGAN AWAM

Tinjauan sebelum lelong

Firma akan mengeluarkan senarai kenderaan yang akan dilelong. Bagi pelanggan yang ingin membuat bidaan boleh dapatkan maklumat senarai kenderaan dan membuat tinjauan kenderaan selama dua hari sebelum hari lelong bermula. Pelanggan hanya dibenarkan melihat kereta di bahagian luaran sahaja. Firma tidak membenarkan pelanggan membuka kereta sama sekali demi kebaikan firma. Kakitangan firma akan menghidupkan kenderaan dan menjalankan kenderaan dihadapan pelanggan pada hari lelong. Sekiranya kenderaan itu tidak dijalankan maka *FMS* akan memberitahu alasan tidak menjalankan kenderaan tersebut.

Dalam senarai kenderaan yang akan dilelong firma tidak memaklumkan harga permulaan yang akan ditawarkan oleh pelelong. Firma akan memberitahu pada hari lelong. Oleh itu pembida perlu membuat penilaian sendiri terhadap kenderaan yang mereka minat. Firma menjual kenderaan dalam keadaan 'seadanya'. Oleh itu semua bakal pembida dinasihatkan supaya membuat semakan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sendiri sebelum lelongan dijalankan.

Pendaftaran

Setiap pelanggan perlu mendaftarkan diri untuk membida bagi setiap kenderaan sebelum lelongan bermula. Semasa mendaftarkan diri pelanggan mesti membuat bayaran deposit terlebih dahulu dan pihak firma akan bagikan satu kad bidaan kepada pembida beserta dengan stiker yang tampal dibelakang kad. Jumlah stiker yang dibagi berdasarkan jumlah lot yang akan dibida. Bagi setiap satu lot deposit yang dikenakan adalah sebanyak RM1,000. Kakitangan firma juga telah memastikan bahawa umur minimum bagi pembida yang layak berdaftar adalah lapan belas tahun. Selain itu latarbelakang pendaftar firma langsung tidak ambil tahu. Pendaftaran akan dibuka mulai jam 9.30 pagi sehingga proses lelongan tamat.

Lelongan awam

Dalam dewan lelong firma menggunakan sebutan suara dan tulisan yang tertara diatas skrin semasa lelongan dijalankan. Semasa lelong ada kakitangan yang menjalankan kereta supaya pembida dapat melihat keadaan kereta dan membuat keputusan untuk membida kenderaan tersebut.

SELEPAS LELONG

Pemulangan semula kad bidaan

Pembida yang tidak berjaya akan memulangkan semula kad masuk bidaan kepada kakitangan firma kemudian firma akan pulangkan semula kesemua jumlah wang deposit yang telah dibayar oleh pembida. Manakala pembida yang berjaya pula akan memulangkan kad dan kakitangan akan memberi satu borang kontrak kepada pembida untuk menandatangani penerimaan lelongan.

Pembayaran

Premium sebanyak RM500 untuk setiap satu unit kenderaan akan di caj pada pembida yang berjaya dalam proses lelongan. Pembida juga diberi masa selama empat belas hari untuk menjelaskan baki bayaran kenderaan yang dibida. Bayaran hendaklah dibuat secara tunai atau bank draf sahaja. Pembida membuat pembayaran penyelesaian penuh di *FMS*. Setelah selesai pembayaran maka pembida boleh mengambil kenderaan yang disimpan dalam stor firma. Pembida yang tidak dapat membuat pembayaran dalam tempoh yang ditetapkan mereka akan dikenakan caj simpanan barang. Kadar bayaran adalah RM10 sehari bagi setiap satu lot. Caj simpanan ini dapat menggalakkan pelanggan membuat pembayaran dengan segera. Kelewatan membayar tidak memberi kesan kepada harga kenderaan. Setelah *FMS* menerima bayaran penuh daripada pembeli maka bayaran tersebut akan diserahkan kepada pembekal dan pembekal akan keluarkan dokumen sekuriti kepada *FMS* kemudian *FMS* akan serahkan dokumen tersebut kepada pembeli. Selain itu perkhidmatan dan bantuan juga turut diberi kepada pelanggan jika diperlukan.

ANALISIS KAJIAN

Berdasarkan tesis yang dijalankan oleh Suriati Jamalludin¹⁷ yang bertajuk pembangunan kerangka konseptual lelongan elektronik berlandaskan Islam. Pengkaji mengaplikasikan ciri lelongan elektronik konvensional yang bersesuaian dengan ciri proses lelongan kenderaan untuk menganalisis data kajian. Antara ciri yang di analisis ialah pengesahan pelelong, pengesahan barang, penerangan barang, pengesahan pembida, yuran bidaan atau deposit, jaminan, cara penghantaran, harga simpanan, caj tambahan lewat bayar dan *sighah* (penawaran dan penerima).

Pengesahan pelelong

Pelelong bagi kedua-dua firma mempunyai sijil sebagai pelelong. Mereka mempunyai kelayakan sebagai juru lelong sama ada dari sudut *syariah* mahupun undang-undang.

¹⁷ Pelajar Sarjana Teknologi Maklumat (Sistem Maklumat Pengurusan), Universiti Kebangsaan Malaysia.

Pengesahan barang

Kedua-dua firma membuat pengesahan barang terlebih dahulu sebelum masuk kedalam stor simpanan masing-masing. Pengesahan ini dapat mengelak daripada penerimaan barang yang bercanggah dengan *syariah* seperti kenderaan curi atau samun.

Penerangan barang

Kedua-dua firma mengeluarkan senarai kenderaan yang akan di lelong sebelum lelongan dijalankan untuk menerangkan barang. Firma juga telah memberi masa kepada pembida untuk membuat tinjauan kenderaan terlebih dahulu sebelum membuat bidaan. Segala butiran yang berkaitan dengan kenderaan telah diterangkan dalam katalog. Oleh itu, pembida boleh buat penilaian berdasarkan katalog dan tinjauan kenderaan. Dalam penerangan barang juga telah menetapkan satu syarat iaitu pelelong hanya menjual barang dengan keadaan seadanya sahaja. Syarat ini termasuk dalam *khiyar syarat* dimana jika pembida tidak setuju dengan syarat tersebut maka pembida tidak perlu membuat bidaan. Sebaliknya jika pembida membuat bidaan bermakna pembida telah menerima syarat *khiyar* tersebut.

Pengesahan pembida

G-Mart telah memastikan terlebih dahulu umur, rekod senarai hitam pembida sebelum mendaftar. Oleh itu, bagi sesiapa yang ada rekod tersebut tidak layak mendaftarkan diri untuk masuk membida. Manakala *FMS* pula tidak semak rekod pembida. Oleh itu, semua orang boleh masuk membida walaupun mereka ada rekod senarai hitam.

Yuran bidaan atau deposit

Yuran bidaan atau deposit yang dikenakan kepada pembida akan dipulangkan semula kepada pembida yang tidak berjaya dalam bidaan. Perkara ini bersesuaian dengan *syariah* kerana sekiranya deposit tersebut tidak dipulangkan maka ia telah dikira sebagai judi. Sebaliknya deposit bagi pembida yang berjaya telah dikira sebagai harga barangan. Sekiranya pembida tidak mampu membuat bayaran penuh dalam tempoh yang ditetapkan maka wang deposit tersebut akan hangus (*al-Urbun*). Perkara ini tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip *syariah* berdasarkan kepada keperluan *uruf* semasa.

Jaminan

Tiada jaminan yang diberikan oleh kedua-dua firma lelong kepada pembida. Perkara ini telah diberi tahu kepada pembida sebelum membuat bidaan. Oleh itu, tiada jaminan ini adalah sebagai satu *khiyar syarat*.

Cara penghantaran

Setelah membuat pembayaran penuh maka pembida boleh ambil kenderaan yang telah dibayar. Syarikat tidak menawarkan khidmat penghantaran.

Harga simpanan

Berdasarkan keputusan keharusan caj simpanan oleh institusi *ar-Rahnu* maka caj simpanan yang dikenakan oleh *FMS* juga adalah *harus*. Tambahan pula caj yang dikenakan keatas pembida yang lewat bayar adalah untuk menggalakkan pembida membuat pembayaran dengan segera.

Caj tambahan lewat bayar

Bagi pembida kenderaan di *G-Mart* yang lewat membayar mesti membuat perbincangan dengan pemilik kenderaan yang asal. Jika pemilik kenderaan asal adalah syarikat kewangan konvensional maka penalti yang dikenakan itu adalah *riba*. Bagi *FMS* pula tidak mengenakan caj tambahan lewat bayar sebaliknya mengenakan caj simpanan.

Sighah (Penawaran dan penerimaan)

Kedua-dua firma memenuhi syarat *sighah* kerana setiap penawaran yang ditawarkan oleh pembida adalah diterima oleh pelelong. Setelah sahaja berlaku penawaran dan penerimaan maka firma lelong memberi satu borang kontrak kepada pembida yang berjaya.

PENUTUP

Objektif kertas ini adalah untuk mengkaji proses lelongan sama ada menepati kehendak *syariah* dengan membandingkan prosedur pelaksanaan lelongan secara tradisional dengan rukun dan syarat jual beli yang digariskan dalam *syariah*. Ia dianalisis secara kualitatif melalui temubual dan pemeriksaan ke atas firma yang menjalankan operasi ini.

Dari hasil kajian perbandingan dengan kajian literatur berkaitan dengan ketetapan *syariah*, salah satu dari sampel (*G-Mart*) mengenakan denda lewat bayar kepada pembida yang melewatkan bayaran barang yang telah dibida. Denda yang berunsur *riba* ini bertentangan dengan *syariah* dan ia adalah akibat dari pembiayaan yang diambil dari syarikat kewangan konvensional. Dalam mengatasi masalah ini, bakal pembida mesti membuat kepastian dengan pemilik kenderaan asal samada pembiayaan yang digunakan adalah mengikut Islam atau syarikat kewangan Islam. Walau bagaimanapun, pembida tidak akan menghadapi masalah jika membayar secara tunai dalam tempoh yang ditetapkan jika pemilik asal menggunakan pembiayaan konvensional sekalipun kerana tidak melibatkan denda lewat atau unsur *riba*.

Menurut *syarak*, orang yang mempunyai hutang tidak terlangsa (bankrap) tidak layak membuat urusan niaga. Walau bagaimanapun sampel (*FMS*) membenarkan pembedanya yang bankrap membuat bidaan. Ini berlaku kerana tiada pemeriksaan dilakukan terhadap senarai hitam pembida bankrap sebelum proses pembedaan bermula. Dari kajian di atas, kami boleh membuat kesimpulan bahawa, operasi lelongan yang dijalankan oleh sampel kajian adalah mematuhi *syariah* kecuali dalam dua perkara yang disebutkan di atas.

Melihat kepada sedikit percanggahan di antara operasi lelongan sampel kajian dengan prinsip Islam, masyarakat berpotensi untuk mendapat perkhidmatan lelongan secara Islam dalam masa terdekat jika sedikit usaha untuk mematuhi *syariah* sepenuhnya dilakukan oleh firma yang sedia beroperasi ataupun firma baru, dengan menjadikan firma sampel dalam kajian ini sebagai model dengan sedikit pembaikan. Oleh itu, untuk mengelakkan daripada berlakunya perkara yang bercanggah dengan *syariah* *FMS* perlu memastikan terlebih dahulu maklumat pembida.

RUJUKAN

- A. Rahman Ritonga. (1999). *Fiqh Muamalah*. Batu Caves: Edaran Kalam.
- Abdullah al-Mushlih & Shalah ash-Shawi. (2004). *Fikih Islami Keuangan Islam*. Terj. Abu Umar Basyir. Jakarta: Darul Haq.
- Ab Mumin Ab. Ghani & Fadillah Mansor. (2006). *Dinamisme Kewangan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Afzal-Ur-Rahman. (1980). *Doktrin Ekonomi Islam*. Terj. Zaharah Salleh. Jil 3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ala'Eddin Kharofa. (2007). *Transaksi dalam Perundangan Islam*. Terj. Hailani Bin Muji Tahir. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad
- Chairuman Pasaribu H., Suhrawardi K.Lubis S.H. (1994). *Hukum Perjanjian dalam Islam*. Jakarta: Sinar Grafika.
- Faizah Hj.Ismail. (2000). *Asas-Asas Muamalat dalam Islam*. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hailani dan Sanep. (2009). *Aplikasi Fiqh Muamalat dalam Sistem Kewangan Islam*. Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), UiTM.
- Kamus Dewan. (2010). *Kamus Dewan*. Ed.4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kant, S. (2010). Market, Timber Pricing and Forest Management. *Forestry Chronicle* 86 (5), pp. 580-588.
- Krishna, V. (2002). *Auction Theory*. San Diego, USA: Academic Press.
- Mohd. Ma'sum Bilah. (2007). *Applied Islamic Law of Trade and Finance: A Selection of Contemporary Practical Issue*. Ed.3. Malaysia: Sweet and Maxwell Asia.
- Najati Muhammad Ilyas. (2002). *Juali Beli Lelong* (Bahasa Arab: *Bai'ul Muzayadah*). Urdun: Darun Nafais.
- Suruhanjaya Sekuriti. (2006). *Buku Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti*. Ed-2. Kuala Lumpur: Suruhan Jaya Sekuriti.

- Syed Mohd. Ghazali Wafa Syed Adam Wafa, Muhammad Nasri Md. Hussain dan Mohd. Hizam Hanafiah. (2002). *Pengantar Perniagaan Islam*. Petaling Jaya: Pearson Prentice Hall.
- Tian G. (2010). *Lecture Notes Auction Theory*. Texas: Texas A&M University College Station.
- Wahbah al-Zuhaili. 2005. *Fiqh Perundangan*. Jil 5. Terj. Md. Akhir hj. Yaacob et al. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wilson, R. (1990). *Strategic Analysis of Auction*. Amsterdam: North-Holland/Elsevier Science Publishers.